

Mesyuarat TPP diteruskan dengan harapan capai persetujuan lebih awal
Malaysian Insider
Feb 23, 2014
OLEH The Malaysia Insider

.Mesyuarat Perkongsian Trans Pasifik (TPP) peringkat menteri di sini diteruskan pada hari kedua hari ini dengan harapan dapat mencapai persetujuan awal.

Mesyuarat berharap rundingan dapat dimuktamadkan meskipun terdapat kecurigaan bahawa sasaran rundingan sukar dicapai dan mesyuarat kali ini meliputi isu-isu pelaburan dan perdagangan baru dan tradisional.

Menteri-menteri perdagangan dan para pegawai dari Australia, Brunei Darussalam, Kanada, Chile, Jepun, Malaysia, Mexico, New Zealand, Peru, Amerika Syarikat, Vietnam dan Singapura akan berusaha mewujudkan pekerjaan dan menggalakkan pembangunan ekonomi.

Malaysia diwakili Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Mesyuarat empat hari ini bermula semalam menyaksikan rundingan dua hala di luar atur cara antara Jepun, Amerika Syarikat, Australia, Malaysia, Vietnam, Singapura dan Brunei.

Pada mesyuarat sebelum ini yang berlangsung di republik berkenaan pada Disember lepas, para menteri membincangkan kemungkinan cara menyelesaikan pelbagai isu tertangguh.

TPP dijangka menjadi satu perjanjian perdagangan yang berkualiti tinggi dan menyeluruh, melangkaui penghapusan tarif dan isu-isu perdagangan tradisional lain untuk menangani cabaran baru muncul yang dihadapi oleh perniagaan moden.

Bagi Malaysia, walaupun pelbagai kelebihan yang ditawarkan TPP, ia akan terus dengan proses domestik penglibatan dan perundingan dengan Kaukus Parlimen, masyarakat umum dan golongan berkepentingan lain untuk berkongsi dengan mereka berhubung pendirian kerajaan terhadap pelbagai isu.

Semasa menjelaskan pendirian Malaysia, Mustapa dipetik sebelum ini sebagai berkata pada mesyuarat peringkat menteri yang lepas di Singapura bahawa Malaysia membangkitkan kebimbangan khusus dan bidang yang sensitif termasuk pemerolehan kerajaan, syarikat milik negara, isu Bumiputera, hak harta intelek dan alam sekitar.

Mustapa juga mengulangi bahawa selepas selesainya rundingan TPP, teksnya akan dibentangkan di Parlimen untuk dibincangkan.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mesyuarat-tpp-diteruskan-dengan-harapan-capai-persetujuan-lebih-awal>